

**NO. SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 26 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [ Padang Besar ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan mengkaji dan melaksana suatu skim Bank Makanan atau Bank khidmat sosial di bandar-bandar besar dan kawasan strategik bagi membolehkan fakir ataupun miskin yang sangat memerlukan makanan dan susu untuk anak-anak mereka mendapat bantuan cepat. Bank Makanan ini dicadangkan diuruskan oleh NGO dengan kerjasama dan pantauan Pusat Zakat dan dibiayai menggunakan sumber zakat dan seterusnya sumbangan sedekah daripada umum.

**JAWAPAN: YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Butiran 1, Perlembagaan Persekutuan, hal ehwal Agama Islam termasuklah urusan zakat terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Mekanisme agihan zakat di setiap negeri

dikendalikan sepenuhnya oleh pihak berkuasa agama masing-masing dan di luar bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Dalam konteks ini, ingin saya jelaskan pelaksanaan aktiviti agihan zakat oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) di bawah tanggungjawab kerajaan Persekutuan. Bagi membantu golongan asnaf khususnya fakir dan miskin memenuhi keperluan asasi termasuk keperluan anak-anak mereka, MAIWP telah menyediakan Bantuan Kewangan Bulanan di mana jumlah bantuan tersebut telah mengambil kira keperluan perbelanjaan asasi keluarga setiap bulan. Bantuan tersebut disalurkan secara tunai terus ke akaun bank asnaf pada 25 haribulan setiap bulan.

MAIWP turut menawarkan Bantuan Kecemasan kepada asnaf yang terputus belanja dan dalam keadaan terdesak secara tiba-tiba sebagai contoh dibuang kerja atau ditamatkan perkhidmatan. Bantuan Kecemasan ini akan disalurkan segera dalam masa 24 jam tertakluk kepada jumlah bantuan yang diperlukan.

Dari segi khidmat sosial, dimaklumkan bahawa MAIWP turut mengagihkan makanan tengah hari setiap hari di pejabat Baitulmal dan di Pusat-pusat Agihan Zakat (PAZA) Baitulmal MAIWP di sekitar Wilayah Persekutuan mengikut kawasan Parlimen masing-masing. Pada masa ini terdapat 7 buah PAZA telah beroperasi dan 3 lagi sedang dalam proses pembangunan yang akan membuat agihan 3,500 set makan setiap hari untuk diagihkan kepada setiap asnaf setiap bulan.

Sekian, terima kasih.